

Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

(Teacher Knowledge, Skills and Readiness in the Implementation of Classroom Assessment)

Ng Pei Juan^{1*}, Saemah Rahman², Shahlan Surat³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p111871@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drsaemahrahman@yahoo.com.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Ng Pei Juan

(p111871@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pentaksiran bilik darjah

Pengetahuan

Kemahiran

Kesediaan

KEYWORDS:

Classroom-based assessment

Teacher's knowledge

Teacher's skill

Teacher's readiness

CITATION:

Ng Pei Juan, Saemah Rahman & Shahlan Surat. (2023). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002339. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2339>

ABSTRAK

Pentaksiran Bilik Darjah adalah salah satu cara yang digunakan untuk mentaksir kemahiran dan kefahaman murid. Pelaksanaan PBD dapat memperoleh maklumat tentang perkembangan dan pencapaian murid bagi setiap mata pelajaran kepada guru. Faktor yang penting dalam menjayakan pelaksanaan PBD adalah tahap pengetahuan, kemahiran dan kesiediaan guru. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap kesiediaan guru dalam pelaksanaan PBD. Seramai 83 orang guru yang berasal dari 5 buah sekolah rendah kategori A Program Transformasi Sekolah 2025(TS25) di daerah Kuala Lipis, Pahang menjadi responden dalam kajian ini. Soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian dan analisis secara deskriptif digunakan. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan skor min bagi tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD dalam kajian ini adalah tinggi dengan min 4.17, skor min bagi tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD pula adalah sederhana tinggi dengan min 3.98 dan skor min bagi tahap kesiediaan guru terhadap pelaksanaan PBD juga adalah sederhana tinggi dengan min 3.95.

ABSTRACT

Classroom-based assessment is a way that used by teacher to assess skill dan understanding of students. Implementation of classroom-based assessment can provide information students development and achievement to teacher. Knowledge, skill dan readiness of teacher is important factor to succeeded implementation of classroom-based assessment. This research is to identify knowledge, skill dan readiness of teacher on implementation of classroom-based assessment. 83respondents was selected from primary transformation

schools by 2025. A questionnaire was used in this research as research instrument and data analyzed by descriptive statistics. Findings for this research show that score mean for knowledge of teacher on implementation of classroom-based assessment is high level with mean 4.17, score mean for skill of teacher on implementation of classroom-based assessment is high moderate level with mean 3.98 and score mean for readiness of teacher on implementation of classroom-based assessment is high moderate level with mean 3.95.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan, kemahiran dan kesediaan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Kajian ini dapat menyumbang kepada literatur sedia ada bagi penambahbaikan pelaksanaan PBD.

1. Pengenalan

Sistem pendidikan negara telah mengalami perubahan daripada sistem yang mementingkan peperiksaan kepada sistem yang berorientasikan pentaksiran. Sistem Pentaksiran Pendidikan negara mengalami perubahan dan memperkenalkan Pentaksiran Bilik Darjah pada tahun 2018 ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019](#)). Pentaksiran bilik darjah adalah satu cara pentaksiran yang asas dan secara berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran untuk membuat pentaksiran terhadap pelajar yang berpandukan kepada kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pentaksiran bilik darjah (PBD) terdiri daripada pentaksiran formatif yang mentafsirkan perkembangan untuk pembelajaran, pentaksiran sumatif pula adalah mentafsirkan perkembangan tentang pembelajaran pada akhir setiap unit pembelajaran ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019](#)). Menurut KPM, semasa melaksanakan PBD guru lebih mementingkan pembinaan watak dan sahsiah murid serta amalan murni mereka. Sistem pendidikan yang mengalami proses transformasi adalah seiring dengan objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing, kreatif serta inovatif. Dengan pengumuman tentang pemansuhan UPSR, pentaksiran bilik darjah(PBD) juga diperkasakan ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019](#)).

Pelaksanaan transformasi pendidikan bukan satu perkara yang senang dengan mengikuti garis panduan yang dipaparkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja. Manakala tahap pengetahuan dan tahap kesediaan guru juga akan mempengaruhi kejayaan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah(PBD). Menurut kajian [Yeh dan Mohd Zahuri \(2018\)](#), guru yang membuat penilaian mesti mempunyai tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi dalam menjalankan penilaian pentaksiran bilik darjah(PBD). Menurut [Zahari et al. \(2020\)](#), guru menyertai program latihan tentang PBD yang kurang memberi kesan kepada mereka telah menyebabkan aktiviti PBD kurang dilaksanakan dengan baik. Guru-guru masih tidak mempunyai keyakinan untuk membuat penilaian dan pentaksiran terhadap murid walaupun sudah menyertai kursus-kursus tentang PBD. Hal ini disokong oleh kajian [Mengistie \(2020\)](#) bahawa warga pendidik yang telah diberikan bimbingan masih mempunyai keraguan terhadap elemen-elemen membuat penilaian dan pentaksiran.

Sistem pendidikan negara telah mengalami perubahan daripada sistem yang mementingkan peperiksaan kepada sistem yang berorientasikan pentaksiran. Pentaksiran bilik darjah adalah satu cara pentaksiran yang asas dan secara berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran untuk membuat pentaksiran terhadap pelajar yang berpandukan kepada kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2019\)](#), semasa melaksanakan PBD guru lebih mementingkan pembinaan watak dan sahsiah murid serta amalan murni mereka. Sistem pendidikan yang mengalami proses transformasi adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing, kreatif serta inovatif ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019](#)).

2. Sorotan Literatur

2.1. Pentaksiran Bilik Darjah

Pentaksiran Bilik Darjah adalah sama penting seperti Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Pada tahun 2016, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mula diperkenalkan dan dilaksanakan. Pentaksiran Bilik Darjah merupakan satu proses untuk mentaksir pelajar secara berterusan dalam bilik darjah, proses pentaksiran ini adalah untuk mendapatkan maklumat perkembangan dan tahap penguasaan murid-murid ([Arumugham, 2020](#)). Guru-guru mesti memastikan kesahan dan kebolehpercayaan skor pentaksiran yang direkodkan supaya tahap penguasaan murid-murid adalah tepat. Menurut [Yildizli \(2020\)](#), Perancangan pelaksanaan PBD pada peringkat sekolah termasuklah teknik perancangan untuk mentaksir murid, kekerapan pentaksiran, aktiviti pentaksiran dan masa pentaksiran. Pelaksanaan PBD yang sempurna dan tepat perlu melibatkan teknik pembinaan instrumen pentaksiran, penskoran pentaksiran, laporan pentaksiran dan juga tindakan susulan pentaksiran. PBD merupakan satu proses pentaksiran yang terbuka, murid-murid dapat mengetahui cara pentaksiran, masa pentaksiran dan juga isi kandungan yang ditaksir. PBD bukan sejenis pentaksiran yang serupa dengan peperiksaan pertengahan tahun atau akhir tahun yang mementingkan keputusan akademik sahaja. Sebaliknya PBD merupakan sejenis pentaksiran yang memberi peluang kepada murid-murid untuk membaiki dan meningkatkan tahap penguasaan mereka bagi setiap mata pelajaran.

PBD terdiri daripada pentaksiran secara formatif yang mentaksir perkembangan murid sebagai pembelajaran dan untuk pembelajaran, manakala PBD secara sumatif adalah pentaksiran yang dilakukan pada akhir unit pembelajaran setiap mata pelajaran. PBD secara sumatif bukan berbentuk ujian atau peperiksaan, maka guru bolehlah menggunakan kaedah lain yang dapat mentaksirkan murid seperti kuiz. Cara pelaksanaan pentaksiran ini akan mendapat gambaran atau penilaian tentang kemajuan dan perkembangan pembelajaran murid, guru dapat mengenal pasti tahap penguasaan, kelemahan dan kekuatan setiap orang murid ([Arumugham, 2020](#)). Dengan pelaksanaan PBD dalam bilik darjah, guru dapat merancang tindakan susulan untuk membantu dan menambahbaikkan tahap penguasaan murid dengan serta-merta. Menurut [Gurganious \(2017\)](#), dalam proses pelaksanaan PBD, guru bertanggungjawab untuk merancang dan membina instrumen pentaksiran, melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran dan membuat tindakan susulan berdasarkan analisis maklumat pentaksiran. Oleh itu, kemahiran dan pengetahuan guru sebagai pelaksana pentaksiran PBD amat penting. Walaupun guru mendapat garis panduan pelaksanaan PBD daripada pihak sekolah dan juga JPN, namun guru juga perlulah mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk merancang

aktiviti yang sesuai untuk membuat pentaksiran terhadap perkembangan murid-murid. Jika guru hanya melaksanakan PBD dengan menggunakan bahan dan sumber yang dibekalkan oleh KPM sahaja, maka kreativiti guru adalah tidak mencukupi untuk melancarkan pelaksanaan PBD dengan tepat.

2.2. Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Kualiti pengajaran atau kualiti sesuatu pentaksiran amat berkait rapat dengan tahap pengetahuan seseorang guru. Hal ini kerana guru berperanan membuat pemilihan pendekatan pengajaran yang terkini supaya murid-murid dapat memperolehi maklumat yang penting, guru yang mempunyai tahap pengetahuan tinggi dapat membimbing murid-murid terus berkembang dan meningkatkan tahap penguasaan dalam proses pentaksiran (Mengistie, 2020). Guru perlulah mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam proses merancang teknik, kaedah pelaksanaan, penskoran dan analisis dalam proses pentaksiran. Guru dapat mengenal pasti masalah pelajar yang sedia ada dan mendapatkan rujukan dari pelbagai sumber untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi (Gurganious, 2017).

Pengetahuan yang sedia ada pada seseorang guru adalah penting, contohnya guru mempunyai pengetahuan tentang pelaksanaan KBAT atau PBD. Jika guru mempunyai pengetahuan yang tepat bagi pelaksanaan KBAT atau PBD, mereka akan dapat membimbing murid-murid ke arah yang lebih baik dan cemerlang (Mengistie, 2020). Guru perlulah mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan melengkapkan diri dengan menguasai kelebihan dan teknik bagi setiap kaedah pelaksanaan atau strategi pengajaran yang hendak digunakan. Kursus, seminar, bengkel atau sesi perkongsian daripada pihak tertentu yang disertai oleh guru dapat meningkatkan tahap pengetahuan seseorang guru dan menjadi seorang guru yang beryakin dan profesional (Arumugham, 2020).

2.3. Tahap Kemahiran Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Tahap kemahiran guru merupakan salah satu faktor guru yang amat penting dalam proses pelaksanaan PBD. Menurut Sh Siti Hauzimah (2019), guru perlu mempunyai tahap kemahiran yang tinggi untuk mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang berkesan kepada murid-murid. Guru didapati masih tidak mempunyai maklumat yang jelas tentang teknik pelaksanaan, menjalankan pemerhatian serta menguasai maklumat pentaksiran untuk melakukan tindakan susulan. Perkara ini disebabkan mereka kurang bimbingan yang betul dalam melaksanakan pentaksiran, mereka hanya melaksanakan PBD mengikut garis panduan yang diberi oleh KPM sahaja. Menurut Zahari et al. (2020), guru bukan sahaja perlu mempunyai kemahiran untuk membuat perancangan aktiviti, maka mereka juga perlu mempunyai kemahiran untuk mentaksirkan tahap penguasaan dan evidens murid bagi setiap mata pelajaran. Semasa melaksanakan PBD, guru perlu mahir menentukan objektif pentaksiran yang sesuai berdasarkan sukatan pelajaran dan juga tahap penguasaan murid. KPM perlu memberikan garis panduan yang tepat kepada warga pendidik, namun begitu warga pendidik juga perlulah meningkatkan kemahiran diri dengan memenuhi keperluan untuk melaksanakan pentaksiran dengan betul. Guru perlu sentiasa meningkatkan kemahiran diri untuk meningkatkan tahap keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menyertai kursus, latihan dan juga *Professional Learning*

Community (PLC). Guru yang berkemahiran tinggi terhadap pelaksanaan PBD dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan kepada murid. Selain itu, guru juga lebih mudah untuk menyesuaikan murid dalam keadaan pentaksiran yang mereka laksanakan apabila guru berkemahiran untuk membimbing mereka bertransformasi daripada pentaksiran dengan peperiksaan ke arah pentaksiran bilik darjah. Perkara sama turut disokong oleh [Abdul Rahman et al. \(2018\)](#) yang menyatakan guru perlulah bersikap positif dan diberi pendedahan dengan pelbagai kaedah supaya dapat memastikan keberkesannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran.

2.4. Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Kesediaan guru untuk melaksanakan PBD merupakan satu perkara yang amat penting kepada keberkesanan pelaksanaan PBD yang diperkenalkan. Menurut kepada [Yuh dan Husaina \(2020\)](#), faktor sikap, pengetahuan dan kemahiran guru dalam proses pelaksanaan pentaksiran adalah berkaitan dengan keberkesanan dan ketepatan pentaksiran. Semenjak pemansuhan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi murid-murid tahap satu telah mula dilaksanakan dan dikuatkuasakan pada tahun 2019 dan juga pemansuhan peperiksaan awam iaitu UPSR bagi murid-murid tahun 6, warga pendidik menerima banyak kritikan daripada pelbagai pihak. Menurut [Masfarizan dan Mohammed Yusoff \(2020\)](#), guru-guru dikritik bahawa mereka kurang mempunyai kemahiran dan teknik yang betul untuk melaksanakan pentaksiran dengan tepat. Hal ini telah mempengaruhi keyakinan warga pendidik untuk melaksanakan pentaksiran dengan baik, mereka berasa tidak yakin dan ragu terhadap teknik pelaksanaan PBD ([Yuh & Husaina, 2020](#)).

Menurut [Arumugham \(2020\)](#), PBD dilaksanakan sepenuhnya dan guru memainkan peranan yang peting untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Namun begitu, pelaksanaan PBD juga menghadapi cabaran. Aspek kemahiran dan pengetahuan guru merupakan faktor utama untuk menjayakan pelaksanaan pentaksiran. Menurut kepada [Sh Siti Hauzimah \(2019\)](#), walaupun pelaksanaan PBD telah dijalankan beberapa tahun, tetapi masih terdapat guru berasa keliru terhadap cara pelaksanaan pentaksiran atau cara penskoran. Menurut kepada kajian [Sh Siti Hauzimah \(2019\)](#), kebanyakan guru masih mengamalkan teknik pengajaran secara sehalu dan berpusatkan kepada guru. Mereka masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan sepenuhnya dalam era globalisasi yang mementingkan pentaksiran di dalam bilik darjah. Mereka masih mengamalkan teknik pengajaran tradisional yang tidak mementingkan kreativiti dan inovasi, hal ini akan mengganggu kemajuan dan perkembangan pelaksanaan PBD.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kajian tinjauan, soal selidik sebagai instrumen. Borang soal selidik digunakan untuk mengenal pasti pengaruh guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan kesediaan guru terhadap kelancaran pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Kaedah tinjauan deskriptif digunakan dalam kajian ini.

Populasi kajian ini merupakan 110 guru yang berasal dari 5 buah sekolah rendah yang merupakan sekolah kategori A Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di daerah Kuala Lipis, Pahang. Seramai 83 orang responden terlibat dalam kajian ini. Pemilihan responden dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Menurut [Creswell dan](#)

Clark (2017), persampelan secara rawak mengelakkan isu bias dan memberikan peluang yang sama kepada semua warga pendidik di sekolah rendah daerah Kuala Lipis, Pahang.

Dalam kajian ini, borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk memperolehi data kajian. Instrumen soal selidik diubah suai daripada kajian Sh Siti Hauzimah (2019). Proses pengumpulan data bermula dengan penyerahan soalan soal selidik yang diserahkan secara tangan kepada 83 orang responden daripada 5 buah sekolah rendah yang merupakan sekolah kategori A Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di daerah Kuala Lipis, Pahang. Responden diberi masa selama dua minggu untuk menjawab soalan soal selidik tersebut. Selepas dua minggu, soalan soal selidik yang telah dijawab dikutip secara tangan dan dikumpulkan untuk dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 27.

Data bagi tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif. Interpretasi skor min [Jadual 1](#) diadaptasi daripada [Huang dan Hew \(2016\)](#).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Tahap Motivasi	Min Skor
Tinggi	4.00---5.00
Sederhana Tinggi	3.50---3.99
Sederhana	3.00---3.49
Rendah	<3.00

Sumber: [Huang dan Hew \(2016\)](#)

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi Responden

[Jadual 2](#) menunjukkan dapatan bagi demografi responden. Seramai 40 responden (48.2%) adalah guru lelaki dan seramai 43 responden (51.8%) adalah guru perempuan. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding dengan responden lelaki.

Jadual 2. Demografi Responden

		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	40	48.2
	Perempuan	43	51.8
	Jumlah	83	100.0
Kelulusan Ikhtisas Tertinggi	Sijil Perguruan	6	7.2
	Diploma	32	38.6
	Ijazah Muda Sarjana	45	54.2
Pengalaman Mengajar	Jumlah	83	100.0
	1 - 5 tahun	3	3.6
	6 - 10 tahun	17	20.5
	11 - 15 tahun	23	27.7
	16 - 19 tahun	27	32.5
	melebihi 20 tahun	13	15.7
	Jumlah	83	100.0

Seterusnya melihat dari segi kelulusan ikhtisas tertinggi responden pula, seramai 6 responden (6%) yang memiliki sijil perguruan, 32 responden (38.6%) pula mempunyai kelulusan diploma dan seramai 45 responden (54.2%) memiliki Ijazah Sarjana Muda. Maksudnya kebanyakan responden mempunyai kelulusan ikhtisas tertinggi adalah Ijazah Sarjana Muda.

Dengan melihat kepada pengalaman mengajar responden pula, seramai 3 responden (3.6%) mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun. Seramai 17 responden (20.5%) mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun. 23 responden (27.7%) mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun, responden yang mempunyai pengalaman mengajar antara 16 hingga 19 tahun pula mempunyai 27 orang (32.5%) dan seramai 13 responden (15.7%) yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun. Dapatan menunjukkan bahawa responden yang mempunyai pengalaman mengajar antara 16 hingga 19 tahun adalah paling banyak.

4.2. Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Data yang telah dianalisis menggunakan SPSS versi 27 untuk menguji kebolehpercayaan telah instrumen soal selidik yang berdasarkan kepada nilai Alpha Cronbach. Merujuk kepada [Jadual 3](#), nilai *Alpha Cronbach* bagi setiap instrumen dalam kajian ini mencapai nilai 0.70 dan ke atas. Maka ujian ini adalah menunjukkan bahawa skala dalam instrumen soal selidik boleh diterima.

Jadual 3: Nilai Alpha Cronbach

Butiran	Analisis Data Rintis	Tahap Kebolehpercayaan
Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah	0.845	Tinggi
Pengetahuan Guru	0.773	Tinggi
Kemahiran Guru	0.843	Tinggi
Kesediaan Guru	0.767	Tinggi

4.3. Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Dapatan kajian di bahagian ini melibatkan sisihan piawai serta min yang menunjukkan tahap guru dari segi pengetahuan terhadap pelaksanaan PBD. [Jadual 4](#) menunjukkan hasil analisis bagi jumlah 10 item dalam soal selidik tentang tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD. Dengan merujuk kepada [Jadual 4](#), dapat dilihat bahawa terdapat 2 item berada pada tahap skor min yang sederhana tinggi dan 8 item yang lain berada pada tahap skor min yang tinggi. Pengetahuan guru bahawa PBD mengubah kaedah sistem pengujian daripada ujian pencapaian kepada ujian kebolehan murid mempunyai skor min yang sederhana tinggi iaitu min 3.99 dan item tentang pihak sekolah dikehendaki menguruskan dokumen yang berkaitan semasa melaksanakan PBD mempunyai skor min yang sederhana tinggi iaitu min 3.95. Maksudnya kebanyakan responden setuju bahawa mereka mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi bahawa kaedah PBD yang mengubah sistem menguji kebolehan murid dan kebanyakan responden juga setuju bahawa pihak sekolah dikehendaki menguruskan dokumen yang berkaitan semasa melaksanakan PBD.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBD

	N	Min	Sisihan Piawai
PBD berlaku secara formatif dan sumatif	83	4.65	.480
Pelaksanaan PBD secara berterusan di dalam bilik darjah.	83	4.75	.437
Pelaksanaan PBD dapat membantu murid mencapai kecemerlangan yang tinggi.	83	4.02	.624
PBD adalah satu kaedah untuk menguji pencapaian dan kebolehan pelajar.	83	3.99	.615
Pihak sekolah perlu menguruskan dokumen yang berkaitan ketika pelaksanaan PBD.	83	3.95	.539
PBD wajib dilaksanakan di semua sekolah sejak tahun 2017 bagi semua mata pelajaran	83	4.13	.488
Pentaksiran penguasaan kemahiran pelajar dipentingkan.	83	4.01	.331
Prosedur pelaksanaan perlu dilaksanakan dengan betul di bawah bimbingan jawatankuasa pihak sekolah.	83	4.04	.397
Pelaksanaan PBD dikendalikan mengikut arahan KPM.	83	4.08	.389
Tahap penguasaan murid akan ditaksirkan sebanyak 2 kali setahun.	83	4.11	.442
Valid N	83	4.17	.27678

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan item tentang pelaksanaan PBD secara berterusan di dalam bilik darjah merupakan skor min yang paling tinggi antara item-item yang lain iaitu min 4.75. Item tentang PBD berlaku secara formatif dan sumatif mempunyai skor min 4.65. Item tentang pelaksanaan PBD dikendalikan mengikut arahan KPM mempunyai skor min tinggi iaitu 4.08. Selain itu, item tentang pelaksanaan PBD dapat membantu murid mencapai kecemerlangan yang tinggi mempunyai skor min tinggi iaitu 4.02. Item tentang pentaksiran penguasaan kemahiran pelajar dipentingkan. mempunyai skor min tinggi iaitu 4.01. Item tentang prosedur pelaksanaan perlu dilaksanakan dengan betul di bawah bimbingan jawatankuasa pihak sekolah mempunyai skor min tinggi iaitu 4.04. Item tentang tahap penguasaan murid akan ditaksirkan sebanyak 2 kali setahun mempunyai skor min tinggi iaitu 4.11.

Kesimpulannya, skor min bagi tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD dalam kajian ini adalah tinggi dengan min 4.17. Maksudnya tahap pengetahuan yang dimiliki oleh guru terhadap pelaksanaan PBD berada pada tahap yang tinggi dengan merujuk kepada DSKP dan arahan oleh KPM. Guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap pelaksanaan PBD akan melancarkan proses pelaksanaan.

4.4. Tahap Kemahiran Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Dapatan kajian di bahagian ini melibatkan sisihan piawai serta min bagi mengenal pasti tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. [Jadual 5](#) menunjukkan hasil analisis bagi jumlah 11 item dalam soal selidik tentang tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD. Dengan merujuk kepada [Jadual 5](#), dapat dilihat bahawa terdapat 7 item berada pada tahap skor min yang sederhana tinggi dan 4 item yang lain berada pada tahap skor min yang tinggi. Kemahiran guru dapat menetapkan objektif yang bersesuaian berdasarkan instrumen pentaksiran mempunyai

skor min yang tinggi iaitu 4.10, menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan kemahiran mereka menetapkan objektif PBD. Kemahiran guru dapat merujuk DSKP semasa pembinaan instrumen pentaksiran mempunyai skor min yang sederhana tinggi iaitu 3.98, menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan kemahiran mereka dapat menjadikan DSKP sebagai panduan dalam pelaksanaan PBD. Kemahiran guru dapat memastikan pelaksanaan PBD secara berterusan di bilik darjah mempunyai skor min yang tinggi dengan min=4.00. Kemahiran guru dapat mempelbagaikan kaedah pentaksiran berdasarkan tahap penguasaan pelajar mendapat skor min yang sederhana tinggi iaitu 3.98.

Jadual 5: Tahap Kemahiran Guru Terhadap Pelaksanaan PBD

	N	Min	Sisihan Piawai
Saya dapat menetapkan objektif yang bersesuaian berdasarkan instrumen pentaksiran.	83	4.10	.458
Saya dapat merujuk DSKP semasa pembinaan instrumen pentaksiran.	83	3.98	.468
Saya dapat memastikan pelaksanaan PBD secara berterusan di bilik darjah.	83	4.00	.469
Saya dapat mempelbagaikan kaedah pentaksiran berdasarkan tahap penguasaan pelajar.	83	3.98	.493
Saya dapat memastikan instrumen yang pelbagai diguna berdasarkan kesesuaian pelajar.	83	3.96	.480
Saya dapat memastikan pelaporan penguasaan pelajar adalah betul dan merujuk kepada DSKP.	83	3.94	.423
Saya dapat membimbing pelajar memahami pentaksiran yang dilaksanakan.	83	4.06	.478
Saya dapat membuat pelaporan pentaksiran penguasaan pelajar tanpa bantuan orang lain.	83	3.94	.502
Saya dapat memperbaiki kemahiran membuat pentaksiran secara berterusan.	83	3.99	.574
Saya dapat mengendalikan tahap penguasaan pelajar berdasarkan sukatan pelajaran.	83	4.01	.428
Saya dapat memasukkan data pelaporan pentaksiran pelajar secara 'Off-line' secara tersusun.	83	3.93	.463
Valid N	83	3.98	.29761

Seterusnya, kemahiran guru dapat memastikan instrumen yang pelbagai diguna berdasarkan kesesuaian pelajar juga mendapat skor min yang sederhana tinggi iaitu min 3.96. Item tentang kemahiran guru dapat membuat pelaporan pentaksiran penguasaan pelajar tanpa bantuan orang lain mempunyai skor min yang sederhana tinggi iaitu min 3.94. Item tentang kemahiran guru dapat membimbing pelajar memahami pentaksiran yang dilaksanakan mendapat skor min yang tinggi iaitu min 4.06. Item tentang guru dapat melakukan pentaksiran sendiri dan menentukan band dan tahap penguasaan murid membuat pelaporan pentaksiran penguasaan pelajar tanpa bantuan orang lain mendapat skor min yang sederhana tinggi iaitu min 3.94 dan item tentang kemahiran guru mengendalikan tahap penguasaan pelajar berdasarkan sukatan pelajaran mendapat skor min yang tinggi iaitu min 4.01. Item yang terakhir tentang kemahiran guru dapat memasukkan data pelaporan pentaksiran pelajar secara 'Off-line' secara tersusun mempunyai skor min yang sederhana tinggi iaitu min 3.93.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD adalah sederhana tinggi dengan min 3.98. Maksudnya,

guru hanya mempunyai kemahiran yang sederhana tinggi untuk mengendalikan pelaksanaan PBD.

4.5. Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

Dapatan kajian di bahagian ini melibatkan sisihan piawai serta min bagi mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. [Jadual 6](#) menunjukkan hasil analisis bagi jumlah 10 item dalam soal selidik tentang tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD. Dengan merujuk kepada [Jadual 6](#), dapat dilihat bahawa terdapat 7 item berada pada tahap skor min yang sederhana tinggi dan 3 item yang lain berada pada tahap skor min yang tinggi. Item tentang responden sentiasa membuat persediaan yang mencukupi untuk membuat pentaksiran mendapat skor min yang paling tinggi dengan min 4.45, item tentang responden sentiasa merujuk DSKP semasa merancang PdP dan kaedah pentaksiran mendapat skor min yang tinggi juga dengan min 4.23 dan item tentang responden sentiasa menjalankan pentaksiran dengan telus dan adil juga mendapat skor min yang tinggi iaitu min 4.08.

Jadual 6: Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan PBD

	N	Min	Sisihan Piawai
Saya dapat sentiasa membuat persediaan yang mencukupi untuk membuat pentaksiran.	83	4.45	.547
Saya sentiasa merujuk DSKP semasa merancang PdP dan kaedah pentaksiran.	83	4.23	.591
Saya sentiasa memerlukan masa yang mencukupi untuk melaksanakan PBD.	83	3.75	.641
Saya sentiasa mempunyai daya berjuang yang tinggi semasa melaksanakan PBD.	83	3.75	.602
Saya sentiasa membina instrumen PBD berdasarkan tahap penguasaan pelajar.	83	3.84	.506
Saya sentiasa menyimpan rekod pentaksiran secara bersistematik.	83	3.87	.463
Saya sentiasa memberi tahap tumpuan yang tinggi semasa melaksanakan PBD.	83	3.88	.504
Saya sentiasa menjalankan pentaksiran dengan telus dan adil.	83	4.08	.629
Saya sentiasa menganalisis pentaksiran yang dilakukan untuk tindakan susulan.	83	3.84	.506
Saya sentiasa menyediakan bahan bantu mengajar agar pembelajaran lebih berkesan.	83	3.88	.479
Valid	83	3.95	.31242

Seterusnya, item tentang responden sentiasa memerlukan masa yang mencukupi untuk melaksanakan PBD dan item tentang responden sentiasa mempunyai daya berjuang yang tinggi semasa melaksanakan PBD mempunyai skor min yang sama iaitu 3.75. Item tentang responden sentiasa memberi tahap tumpuan yang tinggi semasa melaksanakan PBD dan item tentang responden sentiasa menyediakan bahan bantu mengajar agar pembelajaran lebih berkesan juga mempunyai skor min yang sama iaitu 3.88. Item tentang responden sentiasa menyimpan rekod pentaksiran secara sistematik mempunyai skor yang sederhana tinggi iaitu min 3.87. Item tentang responden sentiasa membina instrumen PBD berasaskan keperluan dan pembelajaran murid dan item tentang responden sentiasa menganalisis pentaksiran yang dilakukan untuk tindakan

susunan mempunyai skor min yang sederhana tinggi iaitu min 3.84. Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD adalah sederhana tinggi dengan min 3.95. Maksudnya, guru hanya mempunyai kesediaan yang sederhana tinggi untuk mengendalikan pelaksanaan PBD.

4.6. Hubungan Antara Tahap Pengetahuan, Tahap Kemahiran dan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBD

Dapatan kajian analisis korelasi di bahagian ini menunjukkan bahawa hubungan antara tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD. Dengan merujuk kepada [Jadual 7](#), dapatan kajian telah mempamerkan wujudnya hubungan yang positif dan signifikan antara tahap pengetahuan guru dan pelaksanaan PBD [$r(83) = 0.169, p < 0.05$]. Maksudnya terdapat hubungan yang positif tetapi lemah dan signifikan antara tahap pengetahuan guru dan pelaksanaan PBD.

Jadual 7: Hubungan Antara Tahap Pengetahuan, Tahap Kemahiran dan Tahap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBD

		Pengetahuan Guru	Kemahiran Guru	Kesediaan Guru
Pelaksanaan	Kolerasi Pearson	.169	-.040	.333**
Pentaksiran Bilik	Sig(2-pihak)	.126	.722	.002
Darjah	N	83	83	83
	Sig. (2-pihak)	.028	.004	
	N	83	83	83

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01(2-pihak).

* . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-pihak).

Seterusnya dapatan kajian telah menunjukkan wujudnya hubungan yang negatif antara tahap kemahiran guru dan pelaksanaan PBD [$r(83) = -0.040, p < 0.05$]. Maksudnya terdapat hubungan yang negatif tetapi sederhana dan signifikan antara tahap kemahiran guru dan pelaksanaan PBD. Selain itu, dapatan kajian telah mempamerkan wujudnya hubungan yang positif dan signifikan antara tahap kesediaan guru dan pelaksanaan PBD [$r(83) = 0.333, p < 0.05$]. Maksudnya wujudnya hubungan yang positif tetapi lemah dan signifikan antara tahap kesediaan guru dan pelaksanaan PBD.

6. Kesimpulan

Kajian ini ingin mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD di daerah Kuala Lipis, Pahang dengan melibatkan 5 buah sekolah rendah yang merupakan sekolah kategori A Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Dalam kajian ini, dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD adalah tinggi, manakala tahap kemahiran guru dan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Walaupun kajian ini hanya dilakukan kepada 5 buah sekolah luar bandar sahaja, bukan satu dapatan kajian yang dapat mewakili sekolah bandar. Walau bagaimanapun, kajian ini juga dapat menunjukkan bahawa kebanyakan guru bersetuju dengan tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD adalah tinggi.

Kesimpulannya, guru melaksanakan PBD dengan mempunyai tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi akan mempunyai tahap kesediaan yang tinggi juga untuk melaksanakan PBD yang lebih berkualiti dan adil. Walaubagaimanapun pelaksanaan PBD bukan satu perkara yang mudah atau dapat dilaksanakan dengan lancar oleh usaha seseorang sahaja. Maka pihak sekolah, pelajar serta pihak ibu bapa juga merupakan salah satu pihak penyumbang yang penting untuk melaksanakan PBD dengan berkualiti. Pihak sekolah dan guru perlu bekerjasama untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru supaya dapat meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PBD.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia dan pensyarah yang memberikan tunjuk ajar tanpa jemu. Selain itu, jutaan terima kasih yang saya ingin ucapkan kepada para responden yang menjawab soal selidik dan menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Tiada penerimaan sebarang tajaan dan bantuan kewangan dalam sepanjang kajian ini dijalankan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rahman, K., Mohid, S. Z., & Ramli, R. (2018). Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor [Kertas Pembentangan]. IC-ITS 2018: *4th International Conference on Information Technology & Society*, Selangor Malaysia (ms. 1-9). e-ISBN:978-967-2122-64-7
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152–161.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. Sage publications.
- Gurganious, N. J. (2017). *The relationship between teacher autonomy and middle school students' achievement in science*. [Doctoral dissertation], Walden University.

- Huang, B., & Hew, K. F. (2016). Measuring Learners' Motivation Level in Massive Open Online Courses. *International Journal of Information and Education Technology*, 6(10), 759-764.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Masfarizan Maslan & Mohammed Yusoff Mohd Nor. (2020). Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Secara Atas Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Daerah Sentul, Kuala Lumpur. *Prosiding Seminar Nasional FIP 2020*, 213-218.
- Mengistie, S. M. (2020). *Primary school teachers' knowledge, attitude and practice of differentiated instruction: The case of in-service teacher-trainees of Debre Markos College of teacher education, West Gojjam Zone, Amhara Region, Ethiopia*. *International Journal of Curriculum and Instruction*, 12(1), 98-114.
- Sh Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu -JPBM*, 9(Mei), 56-67.
- Yeh, L. H. & Mohd Zahuri Khairani. (2018). Pelaksanaan PBD Guru-Guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam Pengajaran dan Pelajaran Berasaskan Estetik. *KUPAS SENI Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 6, 1-10.
- Yıldızlı, H. (2020). Classroom Assessment Practices and Student Goal Orientations in Mathematics Classes.. *Journal of Qualitative Research in Education*, 8(1), 294- 323.
- Yuh, T. J. & Husaina, B. K. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 70-90.
- Zahari Suppian, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Nor Junainah Mohd Isa & Govindasamy, P. (2020). Penilaian Kendiri Guru Pelatih Terhadap Tahap Kemahiran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 98-106.